



(27) PKPMP.PHBM.600-3/4/1

28 Februari 2025

YA Hakim/ Pesuruhjaya Kehakiman
Mahkamah Tinggi Malaya

YA-YA,

**PERSIDANGAN HAKIM-HAKIM MALAYSIA KALI KE-58 TAHUN 2025
DI KUCHING, SARAWAK**

Saya dengan hormatnya merujuk kepada Sesi Khas YAA Hakim Besar Malaya dan YA Hakim Pengurus Mahkamah Tinggi Malaya bersama YA Hakim dan Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Tinggi Malaya yang telah diadakan pada 16 Februari 2025.

2. Sukacita saya ingin menarik perhatian YA-YA kepada perkara-perkara berikut –

(a) Menyegerakan penyelesaian kes

- Berhubung garis masa bagi kes sivil dan jenayah, kes sivil hendaklah diselesaikan dalam tempoh sembilan (9) bulan dari tarikh kes didaftarkan. Bagi kes jenayah, ianya hendaklah diselesaikan dalam tempoh sembilan (9) – dua belas (12) bulan dari tarikh pendaftaran kes. Keutamaan hendaklah diberi kepada kes yang melibatkan Orang Kena Tuduh (OKT) yang sedang dalam reman.

(b) Pemantauan kes-kes

- Setiap hakim hendaklah memantau kes-kes yang didaftarkan di mahkamah masing-masing dengan lebih teliti untuk memastikan kes-kes berjalan dengan lancar.
- Menambahkan bilangan permohonan interlocutori, saman pemula dan rayuan dari Mahkamah Rendah pada setiap hari.
- Tidak menetapkan lebih daripada satu (1) perbicaraan penuh setiap hari, melainkan jika pihak-pihak terlibat ingin menyelesaikan kes tersebut atau kes yang tidak melibatkan saksi-saksi yang ramai.
- Setiap kes yang ditetapkan untuk perbicaraan/pendengaran hendaklah didengar tanpa sebarang penangguhan kecuali jika terdapat keadaan yang tidak dapat dielakkan. Sila rujuk Arahan Amalan Ketua Hakim Negara Bil. 1/2019 (dilampirkan bersama-sama surat ini).
- Menyelesaikan sekurang-kurangnya empat (4) perbicaraan penuh setiap bulan.
- Keutamaan hendaklah diberikan kepada kes-kes sambung bicara dan kes yang lebih lama, iaitu kes-kes pra-2024.

(c) Pendengaran secara berperingkat (*Staggered Hearings*)

- *Staggered Hearings* hendaklah dilaksanakan untuk membantu YA menguruskan beban kes yang meningkat dengan menetapkan kes-kes supaya tidak bertindih dan memberi masa yang mencukupi untuk setiap kes.
- Ia juga hendaklah dilaksanakan untuk mengurangkan kelewatan, mengelakkan kesesakan di bilik Mahkamah dan memastikan setiap kes mendapat perhatian yang sewajarnya.

- Contoh:

Masa	Kes-kes
9.00 pagi – 11.00 pagi	Pengurusan kes/ Saman Pemula/ Permohonan Interlokutori
11.00 pagi – 5.00 petang	Bicara Penuh

(d) Penglibatan aktif dalam pengurusan kes

- Memainkan peranan yang lebih aktif dalam pengurusan kes.
- Kawalan terhadap pengurusan kes pada peringkat awal akan membolehkan isu atau kelewatan yang berpotensi dikenalpasti dan diselesaikan lebih awal.
- Pengurusan kes adalah penting untuk memberi nilai tambah kepada proses kehakiman secara keseluruhan. Pengendalian, arahan dan penetapan tarikh bicara tidak seharusnya diserahkan kepada pihak-pihak.
- *e-Review* hendaklah digunakan hanya untuk pengurusan kes oleh Timbalan Pendaftar/ Penolong Kanan Pendaftar. Pengurusan kes oleh Timbalan Pendaftar/ Penolong Kanan Pendaftar hanyalah tiga (3) kali sahaja.

(e) Pendengaran melalui aplikasi Zoom

- Kategori kes berikut dibenarkan untuk pendengaran melalui aplikasi Zoom:
 - Kes-kes saman pemula yang tidak dicabar (*uncontested originating summons*);
 - Permohonan *ex-parte* yang tidak rumit;
 - Untuk merekodkan penghakiman persetujuan;

- (iv) Penarikan kes, jika kos telah dipersetujui; dan
- (v) Kes-kes yang melibatkan saksi luar negara (secara *hybrid*).
- Walaubagaimanapun, kategori kes di atas juga boleh dijalankan secara fizikal.

(f) Alasan Penghakiman

- Alasan penghakiman hendaklah disediakan oleh YA Hakim.
- Alasan penghakiman hendaklah dimuat naik ke dalam sistem CMS.
- Semua alasan penghakiman yang tertunggak terutama bagi kes lama hendaklah diutamakan.
- Format alasan penghakiman adalah seperti berikut:
 - (i) **Font:** Arial
 - (ii) **Saiz Font:** 14
 - (iii) **Selang baris:** 1.5

(g) Nota Prosiding

- Tidak perlu menetapkan tarikh untuk pihak-pihak memfailkan nota prosiding ataupun untuk menyemak nota prosiding peguam. Sebaliknya, YA hendaklah terus menetapkan tarikh pemfailan hujahan bertulis sejurus selepas perbicaraan penuh selesai dan menetapkan tarikh untuk keputusan.


(h) Sasaran untuk tahun 2025

- Semua kes-kes yang didaftarkan pada tahun 2023 ke bawah hendaklah diselesaikan sebelum akhir tahun 2025.
- Sasaran ini memerlukan usaha dan kerjasama yang berterusan daripada semua pihak.

3. Besarlah harapan saya agar segala arahan-arahan yang telah dibincangkan dipatuhi dan dilaksanakan bagi memastikan kelancaran dan keberkesanan proses kehakiman. Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada YA atas usaha gigih yang berterusan dan kerjasama yang telah diberikan dalam memastikan setiap kes didengar dan diselesaikan dalam tempoh yang wajar. Dedikasi yang ditunjukkan YA dalam menjalankan tugas ini amat dihargai dan memberikan impak yang positif terhadap kelancaran sistem kehakiman.

Sekian, terima kasih.

Yang ikhlas,



(DATO' SRI HASNAH BINTI DATO' MOHAMMED HASHIM)
Hakim Besar Malaya

s.k.:

YAA Ketua Hakim Negara
Mahkamah Persekutuan
Istana Kehakiman
Putrajaya

YAA Presiden Mahkamah Rayuan
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
Putrajaya

YAA Hakim Besar Sabah dan Sarawak
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
Putrajaya

YA Tan Sri Datuk Nallini Pathmanathan
Hakim Mahkamah Persekutuan
[Merangkap Hakim Pengurus Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur (Bahagian Dagang & Pembinaan) dan Mahkamah Rendah Kuala Lumpur (Bahagian Sivil)]

YA Dato' Zabariah binti Mohd. Yusof
Hakim Mahkamah Persekutuan
[Merangkap Hakim Pengurus Mahkamah Tinggi Selangor (Bahagian Sivil, Kuasa-Kuasa Khas, Keluarga, Pembinaan, Muamalat & Insolvensi) dan Mahkamah Rendah di Selangor (Bahagian Sivil)]

YA Tan Sri Datuk Harmindar Singh Dhaliwal
Hakim Mahkamah Persekutuan
[Merangkap Hakim Pengurus Mahkamah di Pulau Pinang, Kedah & Perlis]

YA Dato' Nordin bin Hassan
Hakim Mahkamah Persekutuan
[Merangkap Hakim Pengurus Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur (Bahagian Sivil, Keluarga, Kuasa-Kuasa Khas & Jenayah) dan Mahkamah Rendah di Kuala Lumpur (Bahagian Jenayah)]

YA Dato' Abu Bakar bin Jais
Hakim Mahkamah Persekutuan
[Merangkap Hakim Pengurus Mahkamah di Johor]

YA Datuk Hanipah binti Farikullah
Hakim Mahkamah Persekutuan
[Merangkap Hakim Pengurus Mahkamah Tinggi di Kuala Lumpur (Bahagian Sivil)]

YA Datuk Vazeer Alam bin Mydin Meera
Hakim Mahkamah Persekutuan
[Merangkap Hakim Pengurus Mahkamah di Perak]

YA Datuk Hajah Azizah binti Haji Nawawi
Hakim Mahkamah Rayuan
[Merangkap Hakim Pengurus Mahkamah di Pahang, Terengganu & Kelantan]

YA Dato' Hashim bin Hamzah
Hakim Mahkamah Rayuan
[Merangkap Hakim Pengurus Mahkamah Tinggi Selangor (Bahagian Jenayah) dan
Mahkamah Rendah Selangor (Bahagian Jenayah) dan Mahkamah di Negeri Sembilan
dan Melaka]

YA Dato' Lim Chong Fong
Hakim Mahkamah Rayuan
[Merangkap Hakim Pengurus bagi *Court-Annexed Mediation (CAM)*]

Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia, Putrajaya

Timbalan Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan

Pendaftar Mahkamah Tinggi Malaya
Istana Kehakiman, Putrajaya

Pendaftar Mahkamah Rendah Malaya
Istana Kehakiman, Putrajaya